

10/08/2000

Konsep asal sekolah tidak terjejas: Dr Ling

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua pihak tidak perlu bimbang terhadap pelaksanaan Sekolah Wawasan kerana ia tidak menjejaskan atau menggugat konsep, sistem pembelajaran dan pentadbiran sekolah yang diamalkan sekarang.

Kabinet hari ini memutuskan semua amalan itu akan diteruskan dan tidak akan dikurangkan sebaliknya pelaksanaan Sekolah Wawasan direalisasikan dengan mengintergrasikan ketiga-tiga kaum murid Melayu, India dan Cina melalui kegiatan kokurikulum.

Sehubungan itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang diarahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menjelaskan mengenai perkara itu, berkata semua pihak termasuk lembaga sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) tidak perlu bimbang keputusan berkenaan.

"Apa yang diamalkan sekarang seperti mengadakan guru besar, lembaga penyelia, kerani sendiri dan kegiatan sedia ada akan diteruskan dan tidak akan dikurangkan.

"Tetapi untuk mencapai tujuan utama Sekolah Wawasan itu penekanan akan diberikan bagi mengintergrasikan murid berlainan keturunan supaya dapat berinteraksi, bermain bersama serta mendapat kesefahaman antara satu sama lain melalui kegiatan tambahan.

"Ini bermakna murid berlainan keturunan itu akan melakukan kegiatan kokurikulum seperti bermain bola sepak, bola keranjang dan hoki bersama-sama.

"Ini adalah sebagai langkah untuk mewujudkan generasi muda yang lebih memahami dan erat dengan kegiatan yang dijalankan bersama," katanya selepas mesyuarat mingguan kementerianya di sini, hari ini.

Sebelum ini, kebimbangan disuarakan pendidik SJKC dan SJKT mengenai kesan pelaksanaan Sekolah Wawasan yang dikatakan akan menghakis identiti sekolah berkenaan.

Sekolah Wawasan adalah penempatan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kawasan dengan sekolah terbabit berkongsi kemudahan asas.

Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata, sebagai permulaan Sekolah Wawasan itu hanya akan dilaksanakan kepada antara lima hingga tujuh sekolah sahaja.

Mengenai lokasi dan pembinaan Sekolah Wawasan itu akan diputuskan oleh Kementerian Pendidikan dan garis panduan berkaitan sekolah itu akan dikeluarkan tidak lama lagi.

(END)